- (iii) yang akan menyebabkan dengan mematuhi kaedah menilai harta dan liabiliti Syarikat yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- (iv) selain daripada yang telah diambilkira dalam laporan dan penyata kewangan ini yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (i) sebarang harta Syarikat yang telah dicagar sejak akhir tahun kewangan ini dan telah menjadi sandaran bagi liabiliti pihak lain, atau
- (ii) sebarang liabiliti luarjangka yang berhubung dengan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain bagi Syarikat yang akan berkuat kuasa, atau mungkin akan berkuat kuasa dalam tempoh dua belas bulan sejak akhir tempoh kewangan ini, yang pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan dengan ketara keupayaan Syarikat menyelesaikan tanggungjawabnya apabila tiba tempoh.

Para Pengarah berpendapat, penghasilan dari operasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 tidak dipengaruhi secara berkesan oleh sebarang butiran, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa sifatnya dan tiada sebarang butiran, urusniaga atau peristiwa sedemikian berlaku dalam jarak waktu di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

**Juruaudit**

Juruaudit, Tetuan KPMG, telah menyatakan kesanggupan untuk dilantik semula.

Ditandatangani mengikut resolusi para Pengarah:

**DATO' IR. TEO CHIANG KOK**

Pengerusi

**TIEW HAI SAN**

Pengarah

Kuala Lumpur,

13 April 2009

**Pembangunan Sumber Manusia Berhad**  
(Ditubuhkan di Malaysia)

**Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2008**

	Nota	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>
<b>Hartanah, loji dan peralatan</b>	2	34,643,619	33,157,290
<b>Aset semasa</b>			
Pelbagai penghutang	3	9,415,078	10,658,163
Pinjaman kepada kakitangan	4	4,822,062	3,741,625
Pelaburan	5	240,718,856	261,459,894
Simpanan tetap	6	614,595,806	599,568,600
Tunai dan baki bank		33,110,102	34,783,335
Cukai diperolehi		96,108	60,053
		902,758,012	910,271,670
<b>Tanggungan semasa</b>			
Pelbagai pembiutang		1,438,522	2,868,506
Perbelanjaan terakru		1,402,135	845,682
		2,840,657	3,714,188
<b>Aset Besih semasa</b>		899,917,355	906,557,482
		934,560,974	939,714,772
<b>Dibiayai oleh:</b>			
Geran	7	12,047,630	12,009,634
Lebihan Terkumpul	8	156,877,486	223,718,628
Dana Majikan	9	675,747,022	615,960,151
Kumpulan Wang Amanah	10	87,098,571	85,437,581
		931,770,709	937,125,994
<b>Laibiliti jangka panjang</b>			
Manfaat persaraan	11	2,790,265	2,588,778
		934,560,974	939,714,772

Nota-nota di muka surat 107 hingga 124 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini

**Pembangunan Sumber Manusia Berhad**  
(Ditubuhkan di Malaysia)

**Penyata pendapatan syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2008**

	Nota	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>
<b>Pendapatan</b>			
Dividen amanah saham		14,529,821	18,605,572
Yuran		1,636,474	1,592,284
Lebihan daripada pelupusan loji dan peralatan		61,830	37,625
Lebihan daripada jualan balik pelaburan		-	46,012,845
Faedah		23,180,518	22,863,786
Denda levi		3,296,026	2,726,101
Terimaan untuk perkhidmatan		22,500	8,450
Sewaan		850	-
Pembetulan kemerosotan nilai pelaburan		-	1,756,172
Jualan barang-barang		40,840	18,799
		<hr/> 42,768,859	<hr/> 93,621,634
<b>Perbelanjaan</b>			
Pengiklanan dan percetakan		(1,368,152)	(1,690,215)
Bayaran audit		(22,274)	(26,015)
Bonus		(861,753)	(1,243,715)
Belanja pembangunan		-	(197,000)
Bayaran Lembaga Pengarah		(165,606)	(143,389)
Gaji Pengarah		(325,363)	(330,072)
Caruman KWSP		(1,199,499)	(1,101,239)
Yuran perundangan dan profesional		(374,426)	(294,552)
Bayaran perubatan		(221,556)	(395,384)
Pembaikan kecil		(85,298)	(62,980)
Bekalan pejabat		(343,527)	(255,998)
Lain-lain perbelanjaan		(1,382,797)	(983,533)
Elaun lebih masa		(120,507)	(195,463)
Sewaan		(235,567)	(963,731)
Pembaikan dan penyelengaraan		(1,646,970)	(1,444,177)
Gaji dan elaun		(5,501,545)	(5,152,601)
Caruman PERKESO		(73,857)	(57,157)
Latihan pekerja		(165,297)	(153,668)
Setem dan pos		(244,298)	(254,353)
Pengangkutan dan bungkusan		(261,477)	(236,228)
Perjalanan dan penginapan		(592,515)	(659,033)
Utiliti		(791,867)	(711,623)
Jumlah Perbelanjaan		<hr/> (15,984,151)	<hr/> (16,552,126)
<b>Lebihan sebelum Peruntukan</b>		26,784,708	77,069,508
Susutnilai		(2,385,641)	(2,913,723)
Peruntukan kemerosotan nilai pelaburan yang dinyatakan		(90,792,619)	(3,488,525)
Peruntukan manfaat persaraan		(503,930)	(456,174)
<b>(Defisit)/Lebihan bersih sebelum cukai</b>		<hr/> (66,897,482)	<hr/> 70,211,086
Cukai	13	56,340	40,467
<b>(Defisit)/Lebihan bersih pada tahun</b>		<hr/> (66,841,142)	<hr/> 70,251,553

Nota-nota di muka surat 107 hingga 124 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

**Pembangunan Sumber Manusia Berhad**  
(Ditubuhkan di Malaysia)

**Penyata lebihan dan kerugian yang diiktiraf bagi tahun berakhir 31 Disember 2008**

Syarikat tidak mempunyai lebihan dan kerugian yang diiktiraf selain daripada defisit bersih bagi tahun semasa.

Nota-nota di muka surat 107 hingga 124 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

**Pembangunan Sumber Manusia Berhad**  
(Ditubuhkan di Malaysia)

**Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2008**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
<b>TUNAI DARI AKTIVITI MENGURUS</b>		
TUNAI DARI OPERASI MENGURUS		
Terimaan tunai dari pelanggan	5,758,373	7,556,002
Bayaran tunai kepada pembekal dan pentadbiran	(17,155,366)	(18,017,223)
PERUBAHAN TUNAI DARI OPERASI MENGURUS	<u>(11,396,993)</u>	<u>(10,461,221)</u>
TUNAI DARI DANA MAJIKAN		
Bayaran kepada majikan	(288,581,308)	(260,470,666)
Terimaan dari majikan	340,534,962	311,853,712
PERUBAHAN TUNAI SELEPAS DANA MAJIKAN	<u>40,556,661</u>	<u>40,921,825</u>
TUNAI DARI KUMPULAN WANG AMANAH		
Bayaran kepada penyedia latihan berdaftar	(8,092,999)	(6,658,380)
Bayaran untuk aktiviti PKS	(2,028,640)	(1,320,470)
Bayaran untuk Persidangan PSM Kebangsaan	(94,551)	-
Terimaan dari peruntukan kerajaan	15,500,000	12,000,000
Terimaan dari majikan berdaftar	2,626,115	2,025,250
Terimaan dari Persidangan PSM Kebangsaan	1,092,866	-
PERUBAHAN TUNAI SELEPAS KUMPULAN WANG AMANAH	<u>49,559,452</u>	<u>46,968,225</u>
Faedah diterima	<u>24,155,280</u>	<u>21,594,234</u>
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI	<u>73,714,732</u>	<u>68,562,459</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Perolehan tanah dan bangunan	(1,138,365)	(6,954,494)
Perolehan loji dan peralatan	(2,740,370)	(1,430,934)
Pembelian pelaburan	(70,000,000)	(160,000,000)
Perolehan dividen	14,529,821	18,605,572
Pinjaman kepada kakitangan	(1,080,437)	(579,313)
Hasil jualan amanah saham	-	166,012,845
Hasil jualan dari pelupusan loji dan peralatan	<u>68,592</u>	<u>41,945</u>
TUNAI BERSIH DIGUNA DARI AKTIVITI PELABURAN	<u>(60,360,759)</u>	<u>15,695,621</u>
PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI	13,353,973	84,258,080
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	<u>634,351,935</u>	<u>550,093,855</u>
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>647,705,908</u>	<u>634,351,935</u>

**Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 (sambungan)**

(i) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai dalam penyata aliran tunai merangkumi amaun kunci kira-kira seperti berikut:

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Tunai dan baki bank	33,110,102	34,783,335
Simpanan tetap	614,595,806	599,568,600
Baki pada 31 Disember	<hr/> 647,705,908 <hr/>	<hr/> 634,351,935 <hr/>

Nota-nota di muka surat 107 hingga 124 adalah merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

**Pembangunan Sumber Manusia Berhad**  
(Ditubuhkan di Malaysia)

**Nota-nota kepada penyata kewangan**

Pembangunan Sumber Manusia Berhad ialah syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan dan domisil di Malaysia. Alamat tempat perniagaan utama dan pejabat berdaftar ialah:

**Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama:**

Tingkat 7, Wisma PSMB  
Jalan beringin  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur

Aktiviti utama syarikat adalah mengutip levi pembangunan sumber manusia daripada majikan yang berdaftar dan memberikan bantuan kewangan kepada majikan yang berdaftar melalui geran latihan.

Penyata kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 13 April 2009.

**1. Dasar-dasar perakaunan penting**

Dasar perakaunan berikut digunakan oleh Syarikat dan selaras dengan dasar yang digunakan pada tahun sebelumnya.

**(a) Asas penyediaan**

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut dasar kos sejarah kecuali yang dinyatakan pada nota kepada penyata kewangan, piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang telah diluluskan dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

**(b) Hartanah, loji dan peralatan**

Pegangan Bebas Tanah dinyatakan pada kos. Loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Loji dan peralatan yang tidak lagi digunakan secara aktif dan dipegang untuk dijual dinyatakan pada nilai pegangan dari tarikh aset tidak lagi digunakan, ditolak kerugian rosotnilai, jika ada.

### **Susutnilai**

Kaedah garis lurus digunakan untuk menghapuskan kos mengikut penilaian sepanjang usia kegunaan harta-harta itu pada kadar tahunan berikut:

	%
Bangunan	5
Kenderaan	10
Ubahsuai	20
Perabot & kelengkapan pejabat	20
Perkakas pejabat	20
Peralatan elektrik & elektronik	20

#### **(c) Pelaburan**

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos. Elaun dibuat apabila para Pengarah berpendapat wujudnya pengurangan nilai yang bersifat tetap. Pelaburan semasa dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan harga pasaran.

#### **(d) Penghutang**

Pelbagai penghutang dan pinjaman kepada kakitangan dinyatakan pada kos selepas ditolak elaun untuk hutang ragu.

Pinjaman kepada kakitangan adalah untuk pinjaman komputer, kenderaan dan perumahan yang dikenakan faedah pada kadar 4% setahun dan faedah terakru dikreditkan kepada Kumpulan Wang Amanah – Tabung Pinjaman Perumahan.

#### **(e) Tunai dan bersamaan tunai**

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada tunai ditangan dan baki di bank dan pelaburan mudah cair yang tidak mempunyai risiko perubahan nilai ketara.

#### **(f) Pemiutang**

Pelbagai pemiutang dan perbelanjaan terakru dinyatakan pada kos.

#### **(g) Cukai pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa mengandungi cukai semasa dan tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali ianya timbul dari urusniaga yang diiktiraf terus dalam ekuiti.

Belanja cukai semasa adalah cukai kena bayar ke atas pendapatan bercukai bagi tahun semasa, mengikut kadar cukai yang diluluskan atau diluluskan secara substantif pada tarikh kunci kira-kira dan pindaan kepada cukai kena bayar berkaitan tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntuk menurut kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai pegangannya di dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf untuk pengiktirafan awal, aset atau liabiliti pada masa transaksi. Cukai tertunda yang diperuntukkan adalah

berdasarkan cara realisasi atau penyelesaian bagi nilai pegangan untuk aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai yang diluluskan atau diluluskan secara substantif pada tarikh kunci kira-kira. Tanggungan terhadap cukai tertunda diambilkira bagi semua perbezaan cukai pendapatan.

Cukai tertunda sebagai aset hanya diiktiraf jika pendapatan bercukai masa hadapan boleh dibandingkan dengan aset yang digunakan.

(h) **Rosotnilai**

Nilai pegangan aset syarikat, selain aset kewangan, dikaji semula pada setiap tarikh kunci kira-kira untuk menentukan sama ada terdapat tanda rosotnilai. Sekiranya tanda tersebut wujud, nilai pulangan aset akan dianggarkan. Kerugian rosotnilai ditentukan apabila nilai pegangan aset atau unit penjana tunai milik aset tersebut melebihi nilai pulangannya. Kerugian rosotnilai dinyatakan di dalam penyata pendapatan.

Nilai pulangan adalah yang lebih besar di antara harga bersih jualan aset dan nilai gunanya. Di dalam menaksir nilai guna, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menunjukkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus aset. Untuk aset yang tidak menjana aliran tunai sendiri yang mencukupi, nilai pulangan ditentukan berdasarkan unit penjana tunai milik aset tersebut.

Kerugian rosotnilai diperbetulkan sekiranya telah ada perubahan dalam anggaran digunakan untuk menentukan nilai pulangannya. Janya diperbetulkan tertakluk kepada nilai pegangan aset tidak melebihi nilai pegangan aset yang ditentukan, selepas susutnilai dan pelupusan, sekiranya tiada kerugian rosotnilai dinyatakan. Kerugian rosotnilai yang diperbetulkan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

(i) **Geran**

Penerimaan geran dikreditkan ke dalam akaun-akaun geran di atas dasar terimaan tunai. Penerimaan geran diletakkan dibawah tabung amanah oleh syarikat di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001.

(j) **Dana majikan**

(i) ***Levi pembangunan sumber manusia***

Pembayaran levi pembangunan sumber manusia oleh majikan dikreditkan ke dalam akaun majikan di atas dasar terimaan tunai.

(ii) ***Pembatalan pendaftaran dan pendaftaran semula majikan di bawah Seksyen 16(2) Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001***

Dana majikan berkaitan dengan majikan yang dibatalkan pendaftaran di bawah Seksyen 16(2) Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 akan dipindahkan daripada akaun majikan kepada Rizab Am II. Dana ini akan dimasukkan semula ke akaun majikan jika majikan mendaftar semula dalam tempoh dua tahun dari tarikh pembatalannya. Majikan layak semula untuk

menerima bantuan kewangan atau faedah lain yang layak diterima oleh majikan itu sebelum pembatalan pendaftarannya.

(k) **Kumpulan Wang Amanah**

Tabung dibawah kumpulan wang amanah telah ditubuhkan dan digunakan untuk membiayai program-program berikut.

(i) ***Tabung Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer, Pinjaman Perumahan dan Penajaan Pelajaran***

Tabung Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer, Pinjaman Perumahan dan Penajaan Pelajaran adalah kemudahan yang disediakan kepada pekerja syarikat. Faedah sebanyak 4% setahun dikenakan bagi pinjaman kenderaan, pinjaman komputer dan pinjaman perumahan. Bagi penajaan melanjutkan pelajaran, pekerja hanya perlu membayar 20% daripada yuran pengajian.

(ii) ***Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja***

Tabung ini digunakan untuk membiayai yuran kursus yang dikenakan oleh penyedia latihan bagi menjalankan latihan untuk pekerja yang telah dihentikan kerja oleh majikan yang berdaftar dengan syarikat atau industri yang diliputi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001.

(iii) ***Skim Perantisan***

Tabung ini digunakan untuk membiayai yuran kursus yang dikenakan oleh penyedia latihan bagi menjalankan latihan “off-the-job” untuk perantis di bawah Skim Perantisan.

(vi) ***Tabung Latihan Dan Juruperunding***

Tabung Latihan dan Juruperunding telah ditubuhkan sebagai tabung pusingan untuk mengutip yuran daripada pelatih dan membiayai perbelanjaan latihan di bawah program SMETAP dan untuk membiayai pekerja syarikat yang menghadiri latihan dan seminar di luar negara.

(v) ***Rizab Am 1***

Tabung ini adalah berkaitan levi majikan yang dibatalkan pendaftarannya kerana menutup operasi (berpindah ke negara lain, insolvensi, penggulungan, diletakkan di bawah penerima dan pengurus, penukaran hakmilik tanpa melibatkan pemindahan aset dan liabiliti syarikat, syarikat yang diletakkan di bawah writ, sita dan jualan, lelongan dan lain-lain) dan levi yang diluputkan bagi majikan yang tidak menjalankan latihan terhadap pekerja dalam tempoh 5 tahun. Majikan hilang kelayakan untuk mendapat sebarang bantuan kewangan atau faedah lain apabila pendaftaran mereka telah dibatalkan.

(vi) **Tabung Penyelaras Latihan Perusahaan Kecil dan Sederhana**

Syarikat telah dilantik sebagai badan penyelaras yang memantau dan menyelaraskan semua latihan dan pembangunan sumber manusia Perusahaan Kecil dan Sederhana bagi semua sektor ekonomi di Malaysia oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada 2 Disember 2005. Tabung ini digunakan untuk membiayai aktiviti yang terkandung dalam pelan rancangan Latihan PKS.

(vii) **Tabung Juruperunding TNA PKS**

Tabung ini digunakan untuk membiayai yuran juruperunding yang dikenakan oleh juruperunding bagi menjalankan Analisa Keperluan Latihan (TNA) dan penyediaan Pelan Latihan Tahunan untuk majikan PKS.

(viii) **Tabung Persidangan PSM Kebangsaan**

Tabung Persidangan PSM Kebangsaan diwujudkan sebagai tabung pusingan untuk membiayai sendiri pengajuran persidangan tahunan PSMB. Fungsi utama tabung ini ialah untuk mengutip bayaran yuran persidangan daripada peserta, bayaran sewa petak pameran daripada penyewa petak pameran dan bayaran semua perbelanjaan yang berkaitan dengan pengajuran persidangan terutamanya sewa dewan persidangan dan pakej seminar.

(I) **Hasil**

(i) **Pendapatan faedah**

Pendapatan faedah diambilkira dalam penyata pendapatan apabila terakru, mengambilkira hasil efektif aset.

(ii) **Pendapatan yuran, jualan barang dan perkhidmatan**

Hasil daripada yuran dan jualan barang dikira pada nilai saksama bayaran diterima dan diambilkira dalam penyata pendapatan bila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan telah berpindah kepada pembeli.

Hasil daripada perkhidmatan diambilkira dalam penyata pendapatan berdasarkan nilai invois kepada pelanggan dalam tahun semasa.

(iii) **Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen diambilkira bila hak penerimaan dipastikan.

**(m) Manfaat pekerja**

**(i) *Manfaat jangka pendek***

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan tersebut dilaksana oleh pekerja Syarikat. Cuti berbayar jangka pendek yang boleh dihimpun seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan telah disumbangkan oleh pekerja yang menambahkan cuti berbayar masa hadapan dan cuti berbayar jangka pendek yang tidak boleh dikumpul, seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila ianya terjadi.

**(ii) *Pelan sumbangan diiktiraf***

Tanggungjawab untuk menyumbang kepada mana-mana pelan tabungan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ianya terjadi.

**(iii) *Pelan manfaat penakrifan***

Obligasi bersih Syarikat dikira dengan menganggarkan amaun manfaat masa hadapan yang akan diperolehi oleh pekerja bagi perkhidmatan dalam tempoh semasa dan selepas; manfaat ini didiskaunkan bagi menentukan nilai semasa, dan ditolak nilai saksama bagi setiap pelan aset. Kadar diskaun ini ialah pulangan pasaran pada tarikh kunci kira-kira atas bon korporat yang berkualiti tinggi. Perkiraan ini dilakukan oleh aktuari menggunakan kaedah kredit unit yang dianggarkan.

Apabila manfaat skim ini meningkat, bahagian manfaat yang meningkat berkaitan dengan perkhidmatan pekerja yang lepas diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat perlu dibayar. Sehingga manfaat perlu dibayar, belanja ini diiktiraf dalam penyata pendapatan.

## 2. Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah seperti di bawah:

	Nota	2008 RM	2007 RM
Hartanah	(a)	30,242,760	30,472,250
Loji dan peralatan	(b)	4,400,859	2,685,040
		<u><u>34,643,619</u></u>	<u><u>33,157,290</u></u>

### (a) Hartanah

	Tanah Pegangan Bebas RM	Bangunan	Jumlah
Kos:			
Pada 1 Januari 2008	1,591,200	30,339,400	31,930,600
Tambahan	-	1,138,365	1,138,365
Pada 31 Disember 2008	<u><u>1,591,200</u></u>	<u><u>31,477,765</u></u>	<u><u>33,068,965</u></u>
Susutnilai terkumpul:			
Pada 1 Januari 2008	-	1,458,350	1,458,350
Caj pada tahun semasa	-	1,367,855	1,367,855
Pada 31 Disember 2008	<u><u>-</u></u>	<u><u>2,826,205</u></u>	<u><u>2,826,205</u></u>
Nilai buku:			
Pada 31 Disember 2008	<u><u>1,591,200</u></u>	<u><u>28,651,560</u></u>	<u><u>30,242,760</u></u>
Pada 31 Disember 2007	<u><u>1,591,200</u></u>	<u><u>28,881,050</u></u>	<u><u>30,472,250</u></u>
Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2007	<u><u>-</u></u>	<u><u>1,263,505</u></u>	<u><u>1,263,505</u></u>

Geran tanah adalah dalam proses untuk dipindahkan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

**(b) Loji dan peralatan**

	Kenderaan RM	Ubahsuai RM	Perabot dan kelengkapan pejabat RM	Perkakasan pejabat RM	Peralatan elektrik dan elektronik RM	Jumlah RM
Kos:						
Pada 1 Januari 2008	700,556	450,589	1,547,362	507,364	10,654,963	13,860,834
Pelarasan tahun sebelum	2	(2)	35,950	(28,345)	(8,525)	(920)
Selepas pelarasan	700,558	450,587	1,583,312	479,019	10,646,438	13,859,914
Tambahan	322,728	164,512	269,511	209,518	1,774,101	2,740,370
Pelupusan	(307,854)	-	(75,561)	(180)	(42,189)	(425,784)
Pada 31 Disember 2008	<u>715,432</u>	<u>615,099</u>	<u>1,777,262</u>	<u>688,357</u>	<u>12,378,350</u>	<u>16,174,500</u>
Susutnilai terkumpul:						
Pada 1 Januari 2008	456,140	386,214	690,740	366,678	9,276,022	11,175,794
Pelarasan tahun sebelum	41,382	-	7,488	(8,949)	(40,838)	(917)
Selepas pelarasan	497,522	386,214	698,228	357,729	9,235,184	11,174,877
Caj pada tahun semasa	78,824	31,802	226,831	80,184	600,145	1,017,786
Pelupusan	(304,800)	-	(75,500)	(179)	(38,543)	(419,022)
Pada 31 Disember 2008	<u>271,546</u>	<u>418,016</u>	<u>849,559</u>	<u>437,734</u>	<u>9,796,786</u>	<u>11,773,641</u>
Nilai Buku:						
Pada 31 Disember 2008	<u>443,886</u>	<u>197,083</u>	<u>927,703</u>	<u>250,623</u>	<u>2,581,564</u>	<u>4,400,859</u>
Pada 31 Disember 2007	<u>244,416</u>	<u>64,375</u>	<u>856,622</u>	<u>140,686</u>	<u>1,378,941</u>	<u>2,685,040</u>
Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2007	<u>78,332</u>	<u>27,908</u>	<u>51,275</u>	<u>49,227</u>	<u>1,443,476</u>	<u>1,650,218</u>

### **3. Pelbagai penghutang**

	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>
<b><u>Wang Cagaran dan Prabayar</u></b>		
Pendahuluan sewa pejabat cawangan	54,479	205,840
Pendahuluan mesin franking	27,966	16,972
Deposit kemudahan perubatan	33,500	33,500
Deposit telefon pejabat	253	253
Deposit sewa parkir	1,547	3,547
Deposit peti simpanan keselamatan	200	200
Deposit sewa stor	10,180	10,180
Deposit air dan elektrik	18,590	73,400
Prabayar penyelenggaraan dan perkhidmatan	1,007,913	1,150,929
<b><u>Pelbagai penghutang</u></b>		
Faedah simpanan tetap terakru	7,414,241	8,389,003
Faedah terakru - (denda levi)	846,209	774,339
	9,415,078	10,658,163

### **4. Pinjaman kepada kakitangan**

	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>
Pinjaman kenderaan	249,309	295,607
Pinjaman komputer	63,182	88,792
Pinjaman perumahan	4,509,571	3,357,226
	4,822,062	3,741,625

## 5. Pelaburan

**Pelaburan dinyatakan**

Pada kos	335,000,000
Rosot nilai diperbetulkan bagi tahun sebelum	-
Peruntukan kemerosotan nilai pelaburan	(94,281,144)
	<hr/>
Pada harga pasaran	240,718,856
	<hr/>
	240,718,856

<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
335,000,000	263,065,289
-	1,883,130
(94,281,144)	(3,488,525)
<hr/>	<hr/>
240,718,856	261,459,894
<hr/>	<hr/>
240,718,856	287,085,018

## 6. Simpanan tetap

Simpanan tetap di bank berlesen	292,648,112
Simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen	321,947,694
	<hr/>
	614,595,806

<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
292,648,112	296,413,390
321,947,694	303,155,210
<hr/>	<hr/>
614,595,806	599,568,600

Purata wajaran bagi kadar faedah simpanan tetap di bank dan syarikat kewangan berlesen adalah seperti berikut:

Bank berlesen	3.73
Syarikat kewangan berlesen	5.00

<b>2008</b> <b>%</b>	<b>2007</b> <b>%</b>
3.73	3.69
5.00	5.00

## 7. Geran

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
A. GERAN PENYAMA DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN		
Baki pada 31 Disember	12,009,634	12,009,634
	<hr/>	<hr/>
B. GERAN KHUSUS GERAN INSENTIF LATIHAN PERUSAHAAN KECIL		
Baki pada 1 Januari	-	-
Tambah : Peruntukan kerajaan	9,000,000	3,500,000
	<hr/>	<hr/>
Tolak : Dipindahkan ke Dana Majikan (Nota 9)	9,000,000	3,500,000
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	(8,962,004)	(3,500,000)
	<hr/>	<hr/>
Jumlah	37,996	-
	<hr/>	<hr/>
	12,047,630	12,009,634
	<hr/>	<hr/>

## 8. Lebihan terkumpul

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	223,718,628	153,467,075
Tambah : (Defisit)/lebihan bersih pada tahun	(66,841,142)	70,251,553
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	156,877,486	223,718,628
	<hr/>	<hr/>

**9. Dana majikan**

	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>
Baki pada 1 Januari	615,960,151	579,952,012
Tambah : Levi dikutip	340,534,962	311,853,712
Insetif geran latihan perusahaan kecil (Nota 7)	8,962,004	3,500,000
Dikreditkan semula ke Rizab Am 1 (Nota 18)	92,916	-
	<hr/> 965,550,033	<hr/> 895,305,724
Tolak : Bayaran geran latihan	(288,048,236)	(259,999,996)
Pindahan ke Rizab Am I (Nota 18)	(1,221,703)	(18,874,907)
Pulangan balik levi	(533,072)	(455,583)
Pulangan balik levi kepada majikan yang tidak bertanggungan untuk mendaftar di bawah KWPSM	-	(15,087)
	<hr/> 675,747,022	<hr/> 615,960,151
Baki pada 31 Disember	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

## 10. Kumpulan wang amanah

	Nota	2008 RM	2007 RM
(a) Tabung Pinjaman Kenderaan		800,000	800,000
(b) Tabung Pinjaman Komputer		300,000	300,000
(c) Tabung Pembiayaan Pendidikan		500,000	500,000
(d) Tabung Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja	14	4,682,710	6,179,947
(e) Tabung Perantisan	15	6,051,767	5,037,915
(f) Tabung Latihan dan Juruperunding	16	4,631,738	4,115,237
(g) Tabung Pinjaman Perumahan	17	13,436,319	12,906,907
(h) Rizab Am I	18	41,827,468	50,698,681
(i) Rizab Am II	19	721,271	721,271
(j) Tabung Penyelaras Latihan Perusahaan Kecil dan Sederhana	20	3,148,983	4,177,623
(k) Tabung Juruperunding TNA PKS	21	10,000,000	-
(l) Tabung Persidangan PSM Kebangsaan	22	998,315	-
Jumlah		<hr/> 87,098,571	<hr/> 85,437,581

## 11. Manfaat persaraan

	2008 RM	2007 RM
Obligasi tidak berdana pada nilai semasa	<hr/> 2,790,265	<hr/> 2,588,778
<b>Obligasi manfaat bagi liabiliti yang diiktiraf</b>	<hr/> 2,790,265	<hr/> 2,588,778
Dianalisis sebagai:		
Bahagian semasa	-	-
Bahagian bukan semasa	<hr/> 2,790,265	<hr/> 2,588,778
	<hr/> 2,790,265	<hr/> 2,588,778

### **Liabiliti untuk obligasi manfaat penakrifan**

Syarikat mempunyai skim manfaat yang memberi faedah persaraan kepada pekerja apabila mencapai umur persaraan. Di bawah skim ini, pekerja yang layak berhak mendapat manfaat persaraan satu setengah bulan atas gaji terakhir bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan apabila mencapai umur persaraan 55 tahun jika bilangan tahun perkhidmatan kurang daripada 10 tahun dan dua bulan jika bilangan tahun perkhidmatan melebihi 10 tahun. Pekerja mempunyai opsyen untuk bersara pada umur 50 tahun bagi lelaki dan 45 tahun bagi wanita.

### **Pergerakan dalam liabiliti bersih diiktiraf dalam kunci kira-kira**

	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>
Liabiliti bersih pada 1 Januari	2,588,778	2,199,797
Perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan	503,930	456,174
Perbelanjaan yang diiktiraf dalam kunci kira-kira	<u>(302,443)</u>	<u>(67,193)</u>
Liabiliti bersih pada 31 Disember	<u>2,790,265</u>	<u>2,588,778</u>

### **Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata pendapatan**

	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>
Pelan manfaat persaraan		
Kos perkhidmatan semasa	379,065	435,705
Faedah atas obligasi	<u>124,865</u>	<u>20,469</u>
	<u>503,930</u>	<u>456,174</u>

### **Liabiliti untuk obligasi manfaat penakrifan**

Anggaran aktuari yang digunakan pada tarikh kunci kira-kira (dinyatakan sebagai purata wajaran):

	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>
Kadar diskuan	7.0%	7.0%
Purata pendapatan penggajian	5.0%	5.0%

## 12. Maklumat pekerja

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Lain-lain kos pekerja	6,437,155	6,453,473
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,199,499	1,101,239
	7,636,654	7,554,712

Bilangan pekerja Syarikat (termasuk Pengarah) pada akhir tahun adalah seramai 167 orang (2007 – 149 orang).

## 13. Perbelanjaan cukai

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
- Tahun semasa	56,340	40,467

Pembangunan Sumber Manusia Berhad diberi pelepasan cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun berhubung dengan semua punca pendapatannya kecuali pendapatan dividen selama 10 tahun mulai tahun taksiran 2008 hingga 2017. Pelepasan ini diberi melalui surat Kementerian Kewangan rujukan (8.09)248/40/7-1458(7) bertarikh 14 April 2008.

## 14. Tabung Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	6,179,947	2,497,409
Tambah : Pindahan dari Rizab Am I	-	5,000,000
	6,179,947	7,497,409
Tolak : Bayaran yuran pelatih	(1,497,237)	(1,317,462)
Baki pada 31 Disember	4,682,710	6,179,947

**15. Tabung Perantisan**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	5,037,915	3,140,031
Tambah : Peruntukan kerajaan	5,500,000	5,500,000
	<hr/>	<hr/>
	10,537,915	8,640,031
Tolak : Bayaran yuran perantis	(4,486,148)	(3,602,116)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	6,051,767	5,037,915
	<hr/>	<hr/>

**16. Tabung Latihan dan Juruperunding**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	4,115,237	3,828,789
Tambah : Yuran penyertaan	2,626,115	2,025,250
	<hr/>	<hr/>
	6,741,352	5,854,039
Tolak : Perbelanjaan	(2,109,614)	(1,738,802)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	4,631,738	4,115,237
	<hr/>	<hr/>

**17. Tabung Pinjaman Perumahan**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	12,906,907	12,414,358
Tambah : Faedah pinjaman	138,470	108,776
Faedah pelaburan	406,744	400,584
	<hr/>	<hr/>
	13,452,121	12,923,718
Tolak : Subsidi faedah yang dikenakan kepada peminjam di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan	(15,802)	(16,811)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	13,436,319	12,906,907
	<hr/>	<hr/>

**18. Rizab Am I**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	50,698,681	36,823,774
Tambah : Pindahan dari Dana Majikan (Nota 9)	1,221,703	18,874,907
	<hr/>	<hr/>
	51,920,384	55,698,681
Tolak : Pindahan ke Tabung Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja	-	(5,000,000)
Pindahan ke Tabung Juruperunding TNA PKS (Nota 21)	(10,000,000)	-
Dikreditkan semula ke Dana Majikan (Nota 9)	(92,916)	-
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	41,827,468	50,698,681
	<hr/>	<hr/>

**19. Rizab Am II**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari / 31 Disember	721,271	721,271
	<hr/>	<hr/>

**20. Tabung Penyelaras Latihan Perusahaan Kecil dan Sederhana**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	4,177,623	2,498,093
Tambah Peruntukan kerajaan	1,000,000	3,000,000
	<hr/>	<hr/>
	5,177,623	5,498,093
Tolak : Perbelanjaan	(2,028,640)	(1,320,470)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	3,148,983	4,177,623
	<hr/>	<hr/>

**21. Tabung Juruperunding TNA PKS**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	-	-
Tambah : Pindahan dari Rizab Am 1 (Nota 18)	10,000,000	-
Baki pada 31 Disember	<u>10,000,000</u>	<u>-</u>

**22. Tabung Persidangan PSM Kebangsaan**

	<b>2008</b> <b>RM</b>	<b>2007</b> <b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	-	-
Tambah : Tambahan	1,092,866	-
	<u>1,092,866</u>	<u>-</u>
Tolak : Perbelanjaan	(94,551)	-
	<u>(94,551)</u>	<u>-</u>
Baki pada 31 Disember	<u>998,315</u>	<u>-</u>

**Pembangunan Sumber Manusia Berhad**  
(Ditubuhkan di Malaysia)

**Penyata para Pengarah berdasarkan kepada  
Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965**

Pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan dibentangkan di muka surat 102 hingga 124, telah disediakan mengikut peruntukan Piawaian Laporan Entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia supaya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan hasil operasinya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi para Pengarah:

**DATO' IR. TEO CHIANG KOK**  
Pengerusi

**TIEW HAI SAN**  
Pengarah

Kuala Lumpur,  
13 April 2009

**Pembangunan Sumber Manusia Berhad**  
(Ditubuhkan di Malaysia)

**Pengisyiharan berdasarkan kepada  
Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965**

Saya, **AMIRNUDDIN BIN MAZLAN**, pegawai yang terutama bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Pembangunan Sumber Manusia Berhad, dengan tulus ikhlas memperakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 102 hingga 124, sebaik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat perakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas di Kuala Lumpur, Malaysia pada 13 April 2009.

**AMIRNUDDIN BIN MAZLAN**  
Pengurus Besar Kewangan  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Di hadapan saya,

Aishah binti Shahul Hameed PJK  
Pesuruhjaya Sumpah  
No. W 565

**Laporan juruaudit kepada para ahli  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad  
(Ditubuhkan di Malaysia)**

**Laporan berkenaan penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Pembangunan Sumber Manusia Berhad, yang mengandungi Penyata Aset dan Liabiliti pada 31 Disember 2008, dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 102 hingga 124.

*Tanggungjawab Pengarah dan Ahli Syarikat terhadap laporan kewangan*

Pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan dan persembahan yang saksama terhadap penyata kewangan ini berdasarkan Piawaian Laporan Entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan bebas dari kesilapan yang material, sama ada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang munasabah berdasarkan situasi semasa.

*Tanggungjawab juruaudit*

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit mengikut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung di atas pertimbangan kami, termasuk penilaian ke atas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Syarikat, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Audit juga termasuk menilai terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Para Pengarah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi oleh kami adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menjadi asas kepada menyatakan pendapat kami.

### *Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan prestasi kewangannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

### *Laporan mengenai Perundangan dan Syarat-syarat Berkanun*

Pada pendapat kami juga, rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod, termasuk daftar-daftar, yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 supaya disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

### **Lain-lain perkara**

Laporan ini disediakan hanya kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174, Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

### **KPMG**

Nombor Firma: AF 0758  
Akauntan Berkanun

Petaling Jaya,

Tarikh: 13 April 2009

**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
**Wisma PSMB, Jalan Beringin, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur**  
**Tel : 03-2096 4800 Fax : 03-2096 4999 Hotline : 03-2096 4600**  
**PSMB Portal : [www.hrdf.com.my](http://www.hrdf.com.my)**